



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Putrajaya – Sisiran Tasik Taman Botani akan menjadi tuan rumah sekali lagi kepada Pertandingan Memancing Putrajaya yang diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan 2009.

Sebagai simbolik kepada penganjuran pertandingan memancing tersebut, Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman akan melepaskan beberapa ekor ikan ke dalam Tasik Putrajaya pada 4 Ogos 2009.

Antara ikan yang akan dilepaskan adalah ikan tenggalan, ikan sebarau, ikan termoleh dan ikan kelah. Pertandingan Memancing yang akan diadakan sebagai salah satu pengisian aktiviti bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan 2009 pada 9 Ogos ini (Ahad) dijangka akan menarik minat lebih kurang 1,000 orang kaki pancing dari seluruh negara.

Pertandingan berdasarkan konsep "tangkap dan lepas" akan diteruskan untuk tahun ini selaras dengan hasrat Perbadanan Putrajaya untuk mengekalkan keseimbangan populasi ikan di Tasik Putrajaya. Pertandingan ini turut menggunakan pakai sistem mata mengikut spesies ikan yang ditangkap.

Pemenang pertama akan membawa pulang hadiah RM5,000, ke dua RM3,000 dan ke tiga RM2,000. Hadiah sagu hati sebanyak RM200 bagi pemenang tempat ke 4 hingga ke 13 turut disediakan manakala pemenang tempat ke 14 – 20 akan menerima hadiah berupa hamper. Sementara itu, pemancing yang berjaya memancing ikan yang ditandakan akan mendapat hadiah istimewa.

Di samping pertandingan memancing ini, Perbadanan Putrajaya turut menyediakan pelbagai aktiviti sampingan seperti Pertandingan Memasak

dan Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak. Untuk maklumat lanjut sila hubungi urusetia (Nasri 03-88877345).



**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: **03** Ogos 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013